

OGOS 2021



CASSIA

KERJASAMA

HORMAT

INTEGRITI

DINAMISME

SEMANGAT



SELAMAT MENYAMBUT
HARI KEMERDEKAAN

ke 64 2021

64

Malaysia Prihatin



SELAMAT DATANG & BERKHIDMAT

ENCIK MOHD NAZRUL IZAM MANSOR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

PERUTUSAN PENGERUSI

Awal Muharam 1443H

Warga FGV sekalian,

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Ilahi kerana masih lagi dipanjangkan usia untuk menyambut kedatangan tahun baru 1443 Hijriah. Mudah-mudahan dengan umur yang diberikan oleh Allah SWT ini dapat kita gunakan ke arah kebaikan kerana sabda Nabi Muhammad SAW apabila ditanya oleh para Sahabat tentang siapa manusia yang paling baik? Maka jawab Nabi SAW: "Orang yang panjang umurnya dan baik amal perbuatannya". (HR Ahmad)

Secali lagi dapat kita bertemu dengan bulan Muharam yang bersejarah di mana peristiwa hijrah Nabi SAW terjadi. Saya ingin menekankan bahawa pentingnya kita mengambil pengajaran secara praktikal dan menyesuaikan pengajaran tersebut dengan cabaran semasa hari ini. Ini amat penting supaya pengajaran itu tidak sekadar berlalu begitu sahaja tanpa meninggalkan kesan terhadap kehidupan kita dalam dunia realiti.

Hijrah dalam bahasa hari ini boleh kita sebut sebagai transformasi atau perubahan ke arah yang lebih baik. Setiap hari yang berlalu sebenarnya memberi peluang untuk kita berubah ke arah yang lebih baik dalam segenap aspek kehidupan, baik dari segi kerjaya, spiritual atau kerohanian dan juga dalam aspek

kekeluargaan. Amatlah rugi seandainya kita membiarkan masa berlalu tanpa kita berubah ke arah yang lebih baik.

Pengajaran daripada peristiwa hijrah Nabi SAW membuktikan bahawa kitalah aspek yang paling penting yang perlu diberi perhatian dalam sesuatu perubahan. Mungkin lebih mudah mengubah sesuatu yang bersifat fizikal seperti pakaian, peralatan, mahupun kenderaan yang kita naiki. Namun, kejayaan sebenar sebuah hijrah amat bergantung kepada jiwa manusia. Islam bukan hanya mengubah Bilal bin Rabah daripada seorang hamba kepada insan yang merdeka, tetapi juga mengubah jiwa hamba kepada jiwa seorang pejuang yang mempunyai matlamat hidup yang jelas. Inilah contoh penghijrahan jiwa yang harus kita tanamkan.

Dalam pada itu, Kumpulan FGV sebagai sebuah organisasi juga memerlukan hijrah atau perubahan yang melangkuai nama syarikat, logo, warna atau bangunan. Kita telah mengalami beberapa fasa perubahan sejak FELDA ditubuhkan sehingga wujudnya Kumpulan FGV pada hari ini. Untuk berjaya di masa hadapan, perubahan paradigma, nilai dan sikap setiap daripada kita petugas Kumpulan FGV adalah jauh lebih penting kerana kitalah yang menjadi tulang belakang syarikat. Di dalam suasana pandemik

COVID-19 yang semakin mencabar, kita memerlukan petugas yang cekal dan tabah untuk terus berjuang demi kesinambungan Kumpulan.

Saya mengambil kesempatan ini menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga petugas kita yang telah kembali ke rahmatullah disebabkan wabak COVID-19 ini dan semoga Allah memberi kesembuhan kepada mereka yang menghidapinya.

Marilah sama-sama kita berdoa agar Allah SWT memelihara setiap petugas Kumpulan FGV dan syarikat yang kita cintai ini serta diberikan kekuatan untuk mengharungi cabaran ini.

Saya menyeru kepada semua petugas Kumpulan FGV untuk sama-sama kita memperbaharui niat kita untuk sentiasa menjadi lebih baik dan memberi manfaat kepada orang seperti sabda Nabi SAW: "Sebaik-baik manusia adalah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain" (HR Bukhari).

Terima kasih.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Pengerusi
FGV Holdings Berhad

MOHD NAZRUL IZAM MANSOR

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV

Selamat Datang dan Selamat Berkhidmat kepada Encik Mohd Nazrul Izam Mansor sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV yang memulakan tugas secara rasmi pada 23 Ogos 2021.

Encik Mohd Nazrul, 46, mempunyai pengalaman lebih dari 22 tahun dalam pelbagai kapasiti di beberapa industri yang berbeza. Sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA Berhad sejak 2018.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1998 sebagai Eksekutif Akaun di RHB Unit Trust Management Berhad. Pada tahun 2000, sebelum berkhidmat di PricewaterhouseCoopers sebagai Senior Associate, beliau merupakan Pembantu Audit di Hasyudeen & Co. Semasa berkhidmat dengan dua firma perakaunan awam berkenaan, Encik Mohd Nazrul

terlibat dalam pelbagai tugas audit dan jaminan untuk syarikat awam dan swasta sederhana hingga besar. Beliau berkhidmat di Padiberas Nasional Berhad pada tahun 2002, dan memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko dan perancangan korporat serta merupakan pegawai khas kepada Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 2007.

Pada tahun 2009, Encik Mohd Nazrul berkhidmat di Malaysia Building Society Berhad (MBSB) sebagai Ketua Perniagaan Berstruktur. Pada tahun 2010, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan di Realmild Sdn Bhd sebelum menyertai N.U.R Power Sdn Bhd sebagai Pengarah Kewangan pada tahun 2013 hingga 2018, sebelum menyertai Teras Dara Konsortium Sdn Bhd sebagai Pengarah Urusan.

Encik Mohd Nazrul adalah seorang Akauntan Bertauliah dan ahli Institut

Akauntan Malaysia serta Felo Akauntan Amalan Bertauliah CPA Australia. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Queensland, Australia.



Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV



RINGKASAN BERITA FGV



FGV Catat PBZT Lebih Tinggi Sebanyak RM501 Juta Pada S2 TK2021

FGV mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) lebih tinggi sebanyak RM501 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2021 (S2 TK2021), berbanding PBZT sebanyak RM18 juta pada suku tahun sama sebelumnya. Pendapatan Kumpulan bagi suku yang dikaji melonjak 42% kepada RM4.68 bilion berbanding RM3.29 bilion pada S2 TK2020. Ini didorong oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM338 juta pada S2 TK2021 berbanding RM115 juta pada tempoh yang sama tahun lepas, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan margin bagi produk sawit, peningkatan margin keuntungan kasar bagi perniagaan Gula, serta jumlah kendalian dan kargo yang lebih tinggi menerusi perniagaan Logistiknya.

FGVPM dan FGVPi Peruntukan RM3.1 Juta Beli Lapan Bas Sekolah Baharu

FGV Plantations Malaysia Sdn Bhd (FGVPM) dan FGV Palm Industries Sdn Bhd (FGVPi), memperuntukkan RM3.1 juta pada tahun ini bagi pembelian lapan bas sekolah baharu untuk kegunaan anak-anak pekerja tempatan dan jumlah keseluruhan bas sekolah yang dimiliki FGV kini adalah 89 unit. Sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan oleh FGVPM bagi pembelian lima bas baharu di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, dan RM1.6 juta untuk pembelian tiga bas baharu oleh FGVPi di Sarawak dan Sabah. FGV sentiasa prihatin terhadap keperluan dan kebajikan pekerja. Sejak tahun 1992, penyediaan bas sekolah merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan dalam memperkasa serta menghormati hak-hak pekerja berkeluarga.



Potensi FGV Berkembang Dalam Industri Tenusu di Malaysia - MIDF

FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF) menjalin kerjasama dengan Felcra Bhd dan Baladna Food Industries Co. W.L.L, Qatar untuk menjadikan FGV Chuping Agro Valley (FCAV) salah satu hab agro terkemuka di Malaysia. Menurut MIDF Research, kerjasama itu akan meletakkan kedudukan FCAV yang kukuh sebagai salah satu peneraju lembah agro di Malaysia pada masa akan datang. FGVIF juga boleh mengembangkan aktiviti tenusu dengan bantuan kepakaran dari Baladna. Secara dasarnya, FGVIF telah mempelbagaikan penglibatannya dalam industri tenusu dan pemprosesan susu, justeru ini satu peluang yang baik untuk meningkatkan potensi perniagaan tenusu di Chuping, Perlis.



WIRA FGV

Syarifah Nur Afni Antara Perintis Projek Konservasi Hidupan Liar FGV

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan,” merupakan prinsip dan kata-kata semangat yang sentiasa menjadi pembakar semangat buat pilihan ‘Wira FGV’ kali ini. Syarifah Nur Afni Syed Abdullah yang lebih mesra dengan panggilan Afni dalam kalangan rakan setugas berkata pepatah berkenaan banyak membantu dan mengajar beliau erti kesungguhan dalam melaksanakan tugas sejak mula berkhidmat di Kumpulan FGV pada tahun 2005.



Bermula sebagai pelatih Agronomi di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) di bawah syarikat FGV Agri Services Sdn Bhd di Jerantut, Pahang, Afni menyatakan kerjaya beliau yang banyak berada di lapangan membuatkan dirinya lebih dekat dengan alam. Ini sekaligus mendorongnya untuk lebih menghargai kepentingan dan sumbangan alam sekitar kepada kehidupan manusia.

Di Jabatan Kelestarian Kumpulan, Afni berkata beliau banyak terlibat dalam pemantauan projek-projek yang melibatkan usaha kelestarian terutamanya berkaitan pemeliharaan dan

pemuliharaan alam sekitar. Antaranya pemeliharaan kepelbagaiannya (*biodiversity*) seperti flora dan fauna yang semakin pupus dan terancam, serta pengurusan konflik antara manusia dan haiwan liar di ladang di mana FGV beroperasi.

Selain itu, sokongan teknikal juga dihulurkan dalam membantu pasukan FGV dalam proses pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), terutamanya yang melibatkan keperluan-keperluan khusus yang terkandung dalam standard tersebut berkaitan alam sekitar.

“Ramai yang tidak sedar, di ladang-ladang kita banyak terdapat spesis flora dan fauna yang semakin terancam dan pupus. Haiwan liar seperti gajah dan spesis Beruang Matahari kerap dijumpai oleh petugas atau masyarakat setempat di sekitar kawasan ladang FGV.”

“Tugas saya ialah untuk memastikan spesis-spesies ini terus dilindungi dan dipelihara di samping mengesyorkan pelan pemeliharaan menerusi kerjasama dan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan, agar perjalanan operasi harian di ladang tidak mengganggu habitat mereka,” kata graduan dalam bidang Sains Biologi Gunaan (Kepujian), dari Universiti Sains Malaysia ini.

Meskipun kerjaya agak mencabar dan lasak, namun ianya tidak mematahkan semangat Afni untuk terus memberikan khidmat terbaik buat FGV. Beliau berkata menjadi satu-satunya agronomis wanita pertama yang diambil bekerja di FGV ketika itu memberikan sedikit cabaran buat dirinya. “Namun saya mengambil sikap untuk bersedia untuk belajar, serta berbuat baik dengan semua orang tanpa mengira kedudukan menyebabkan kesukaran tersebut dapat diatasi,” tambah Afni yang kini memegang jawatan sebagai Pengurus di Unit Teknikal, Bahagian Kelestarian Kumpulan FGV.

Berkata lanjut mengenai kenangan manis bersama FGV, Afni berkata beliau antara petugas yang terlibat secara langsung dalam kejayaan Kumpulan Felda muncul selaku organisasi pekebun



kecil pertama di dunia memperolehi pensijilan RSPO pada tahun 2010.

“Kejayaan ini bukanlah sesuatu yang mudah memandangkan ianya perlu mengikut pemeriksaan protokol ketat dan dinilai oleh penilai berdasarkan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh RSPO pada November 2007. Malah, kita juga merupakan antara yang terawal mengaplikasikan standard RSPO di Kompleks Kota Gelanggi dan Kompleks Lepar Utara di Jerantut, Pahang,” jelas Afni.

Afni berharap usaha-usaha kelestarian terus menjadi agenda utama Kumpulan dalam memastikan keseimbangan antara penjagaan alam sekitar dan kelangsungan perniagaan. “Kini banyak syarikat multinasional seluruh dunia memberikan tumpuan terhadap aspek kelestarian dalam perniagaan mereka. Langkah FGV dalam berkolaborasi dengan beberapa pihak luar amat baik dan wajar diteruskan terutamanya dalam memacu inisiatif kelestarian di segenap aspek perniagaan FGV di mana sahaja kita beroperasi,” kata beliau yang turut berharap lebih banyak kejayaan cemerlang dilakar oleh FGV di masa hadapan.

■ #PPPTRPRIHATIN: PPPTR Menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV)



Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) telah dipilih untuk menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) *outreach* (awam) pada 11 sehingga 12 Ogos yang lalu.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah dijayakan bersama 60 orang sukarelawan dari kalangan petugas dan 30 orang petugas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seramai 960 orang petugas dan keluarga yang tinggal di PPPTR telah berjaya mendapatkan vaksin dari program ini.

Sempena dengan program ini, pihak PPPTR menerima kunjungan mesra daripada Ahli Parlimen Jerantut, YB Dato' Haji Ahmad Nazlan Idris, ADUN Pulau Tawar, YB Dato' Haji Nazri Ngah, Pegawai Daerah Jerantut, Puan Khairun Nissa Aris, dan Pengarah Kesihatan Daerah Jerantut, Dr. Amir Faisal Dato' Mohd Khairi.

Objektif program ini adalah untuk mendapatkan imuniti berkelompok dan memastikan petugas syarikat dapat beroperasi dalam keadaan

selamat dan secara tidak langsung boleh meningkatkan produktiviti syarikat.

Pihak PPPTR bersedia untuk meneruskan program dos kedua pada bulan September di samping Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) untuk Tenaga Kerja Asing anjuran Jabatan Tenaga Kerja FGV.

#FGVPrihatin
#LindungDiriLindungSemua

■ 100 Peratus Petugas Kilang Sawit Maokil Lengkap Terima Vaksin



Kilang Sawit Maokil memanfaatkan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) anjuran Pejabat Kesihatan Muar, Johor dengan penyertaan dari petugas-petugas Kilang Sawit Maokil.

Seramai 94 petugas telah menerima vaksin jenis Pfizer pada dua sesi yang berlainan iaitu pada 22 Julai sehingga 23 Julai untuk dos pertama manakala pada 12 Ogos sehingga 13 Ogos untuk dos kedua dan ini menunjukkan petugas Kilang Sawit Maokil 100 peratus lengkap dos vaksin.

#FGVPrihatin
#LindungDiriLindungSemua

I FGVIF Berkongsi Pandangan Cabaran dan Peluang Dalam Industri Pemakanan di MSAP

FGV melalui anak syarikatnya, FGV Integrated Farming (FGVIF) baru-baru ini telah berkongsi pandangan mengenai cabaran dan peluang dalam industri penternakan. Perkongsian secara dalam talian dibuat menerusi Persidangan Tahunan Persatuan Produksi Haiwan Malaysia (MSAP) yang ke-40.

Antara isu yang disentuh ialah mengenai harga makanan ternakan berasaskan dedak isirong kelapa sawit (PKE) yang dikatakan agak mahal sedangkan ia dihasilkan di dalam negara. Ketua Tenusu, Ternakan & Nutrisi Haiwan FGVIF, Zainudin Isa menjelaskan bahawa faktor utama ialah kenaikan harga tandan sawit segar dan minyak sawit mentah (MSM) dalam pasaran dunia yang berada di luar kawalan FGV.

Bagaimanapun, sebagai langkah strategik dan prihatin dengan masalah ini, FGV berusaha membantu dengan mengurangkan kos pengangkutan melalui pembukaan kilang-kilang serta gudang-gudang di kawasan strategik

yang mempunyai kadar pembelian yang tinggi.

Selain itu, FGV akan memaksimakan penggunaan biomas yang ada dalam rangkaian perniagaan FGV seperti pemprosesan temukut, bran beras, daun nanas MD2 sebagai sumber fiber

dan enzim; molases gula termasuk jagung pada masa hadapan.

Diharapkan kerjasama FGV dengan agensi pertanian dan penternakan milik kerajaan juga boleh membantu meringankan beban pengusaha-pengusaha ternakan.

LAMIN	MAKLUMAT
BIRU TUA	MELAMBANGKAN PERPADUAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM, BERSATU PADU DAN BERUSAHA DALAM MEMAJUKAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERASASKAN SAINS SERTA TEKNOLOGI MODEN
BINTANG BUCU 14	PERPADUAN 13 BUAH NEGERI DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
LAMBANG ANAK BULAN	ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA
PUTIH	KESUCIAN, KEIKHLASAN DAN KESUNGGUHAN BAGI MEMPERTINGKATKAN KETAHANAN RAKYAT YANG BERADAB DAN BERKEPERIBADIAN MALAYSIA
MERAH	KEBERANIAN DAN BERSEDIA DALAM MENGHADAPI SEGALA RINTANGAN DAN CABARAN DALAM USAHA MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA MAUJU
KUNING	KEDAULATAN RAJA BERPERLEMBAGAAN SERTA MENDOKONG DAN MENGHORMATI LUNAS-LUNAS PERLEMBAGAAN DAN FALSAFAH RUKUN NEGARA

Sejauh mana **PEMBAZIRAN** berlaku dalam operasi anda?




BAHAGIAN
KECEMERLANGAN
OPERASI
“Pemangkin
Perubahan
Dinamik”

Ini merupakan antara langkah pertama daripada 4P Kaizen Workout, pendekatan ubahsuai yang dihasilkan oleh Bahagian Kecemerlangan Operasi, FGV

IMBAS SINI



LEAN SIX SIGMA DI DALAM KEHIDUPAN KITA...




I Langkah Mengemaskini Status Vaksinasi

Setakat ini, 8,717 (56%) daripada 15,631 jumlah petugas belum lagi mengemaskini status vaksinasi kerana masih belum mendapat tarikh temujanji bagi dos pertama. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada semakan rawak yang dibuat, di dapati ada sebahagian daripada

petugas yang masih belum mengemaskini status walaupun telah mendapat tarikh temujanji atau telah divaksinasi.

Oleh yang demikian, mohon semua petugas yang sudah mendapat tarikh temujanji atau telah divaksinasi untuk

mengemaskini status dengan segera dan memastikan tarikh dikemaskini dari semasa ke semasa sehingga lengkap vaksinasi dos kedua. Langkah mudah untuk mengemaskini tarikh dan status vaksinasi adalah seperti di bawah.



I Saringan Bersasar Ujian Kendiri COVID-19 di Premis FGV

Kumpulan FGV telah mengambil pendekatan untuk menjalankan saringan bersasar ujian kendiri COVID-19 sebagai prasyarat kemasukan ke premis FGV dan di Wisma FGV, berkuatkuasa serta merta. Ini adalah satu usaha untuk memutuskan rantaian penyebaran COVID-19 di kalangan petugas dan bertanggungjawab terhadap perniagaan.

2. Saringan Bersasar Ujian Kendiri COVID-19 adalah WAJIB bagi individu seperti berikut:
 - 2.1 Petugas yang masih **belum menerima sebarang dos vaksinasi COVID-19**; atau
 - 2.2 Petugas yang masih **belum mendaftar program vaksinasi di dalam aplikasi MySejahtera**; atau
 - 2.3 Petugas dalam kategori "**Casual Contact**" di dalam aplikasi MySejahtera; atau
 - 2.4 **Pelawat yang ingin masuk ke dalam premis FGV.**
Peringatan: Petugas FGV yang akan menerima pelawat luar dikehendaki untuk memaklumkan keperluan saringan ini kepada pelawat tersebut dan menasihati mereka agar membawa / membeli Kit Ujian Kendiri COVID-19 terlebih dahulu.
3. Petugas yang termasuk dalam klasifikasi sebagai Saringan Bersasar Ujian Kendiri COVID-19 perlu menjalani ujian kendiri ini **seminggu sekali** sebelum masuk ke premis FGV.
4. Koordinator Ujian (Petugas Barisan Hadapan FGV) mempunyai kuasa menentukan Saringan Bersasar Ujian Kendiri COVID-19 berdasarkan klasifikasi di atas.
5. Semua keputusan Saringan Bersasar Ujian Kendiri COVID-19 sama ada *Positive*, *Negative* atau *Invalid* perlu dilaporkan secara *self-reporting* ke dalam aplikasi MySejahtera.



Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus FGV, turut membuat ujian saringan sewaktu meninjau sesi latihan untuk FGV frontliners yang diadakan di Wisma FGV.

Potensi Baka FGV 3-Way Untuk Penanaman Berkepadatan Tinggi

Kebanyakan syarikat perladangan di Malaysia menanam pokok kelapa sawit pada kepadatan 136 pokok /ha untuk kawasan yang beralun. Di kawasan jangkitan *Ganoderma* yang tinggi dan kering, kepadatan tanaman yang lebih tinggi (sehingga 160 pokok /ha) menjadi pilihan kerana pertumbuhan pokok yang lebih menguncup.

Manakala di kawasan teres kepadatan 125-130 pokok /ha menjadi pilihan kebanyakan syarikat perladangan di Malaysia. Bahan tanaman terbaru


FGV, baka 3-Way, mempunyai panjang pelepah yang lebih pendek hingga 22% berbanding dengan DP Yangambi ML161. Oleh itu, baka 3-Way dipilih bagi mengkaji penyesuaian penanaman pada kepadatan yang lebih tinggi berbanding pada 148 pokok /ha.

Kajian ini sedang dilakukan di dua ladang yang berbeza yang dimiliki oleh FGVAS. Kajian pertama melibatkan penanaman pada tahun 2007 di ladang FGVAS Sahabat 06 yang menggunakan pelbagai baka 3-Way dan ditanam

dengan tiga jenis kepadatan tanaman iaitu 136, 148 dan 160 pokok /ha.

Manakala kajian kedua melibatkan penanaman pada tahun 2014 di ladang FGVAS KG 5 Kampung dan ditanam dengan lima jenis kepadatan tanaman iaitu 148, 160, 172, 184 dan 196 pokok /ha. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji kesan kepadatan tanaman terhadap hasil BTS bagi empat jalur progeni 3-Way iaitu PN167, PN165, PN84 dan PN91.

Kelebihan Menanam Pada Kepadatan Tinggi



Mengoptimumkan penggunaan tanah

Kaedah alternatif untuk kawasan jangkitan *Ganoderma*

Penambahan hasil t/ha

Mengurangkan penjagaan rumpai

Memperbaharui Ikrar Integriti Secara Dalam Talian

Selaras dengan komitmen FGV untuk mempertingkatkan lagi budaya integriti dikalangan petugas FGV serta membendung berlakunya kesalahan melibatkan rasuah, setiap petugas diwajibkan untuk memperbaharui ikrar integriti yang diadakan secara atas talian bermula dari 1 Ogos 2021.

Semenjak tempoh memperbaharui ikrar integriti dilancarkan, seramai 15,598 dari 15,609 bersamaan dengan 99.9% petugas dari semua peringkat jawatan telah memperbaharui ikrar mereka. Dengan memperbaharui ikrar ini, petugas dengan jelas telah menyatakan komitmen serta janji mereka di dalam mematuhi serta melaksanakan kesemua undang-undang, peraturan, polisi serta SOP yang berkaitan anti-rasuah.



Ikrar Integriti

Kami, warga FGV Holdings Berhad / We, the employees of FGV Holdings Berhad

Dengan rela dan sepenuh hati berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawab kami dengan amanah, jujur dan berintegriti demi kebaikan petugas dan kemajuan FGV. Sehubungan itu, bagi memelihara maruah dan imej FGV serta untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dari rasuah, kami dengan tulus ikhlas dan suci hati berjanji untuk: / Willingly and wholeheartedly pledge to carry out our duties and responsibilities with trust, honesty and integrity for the good of the employees and progress of FGV. In this regard, in order to preserve the dignity and image of FGV and to create a clean environment FREE of corruption, we sincerely and solemnly promise to:

- ② Tidak melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan sama ada secara langsung atau tidak langsung; / Not engage in any form of corruption, misuse of power or embezzlement either directly or indirectly;
 - ② Menolak segala bentuk tawaran rasuah dan melaporinya menggunakan Saluran Pemberian Maklumat atau terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan segera; / Reject all forms of corruption offers and report it using our Whistleblowing Channel or directly to the Malaysian Anti-Corruption Commission as soon as possible;
 - ② Menutup sebarang ruang dan peluang yang terdedah kepada amalan rasuah dalam semua urusan; / Close up any space and opportunity related to corruption in all matters;
 - ② Memupuk amalan integriti dan membudayakan nilai-nilai antirasuah dalam pelaksanaan tugas; / Promote the practice of integrity and inculcate anti-corruption values in the performance of tasks;
 - ② Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan serta terhadap mereka yang cuba mengugat integriti dan imej FGV; dan / Act strictly against those who violate the law and regulations as well as those who attempt to jeopardize the integrity and image of FGV; and
 - ② Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak dalam memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa atau penyelewangan. / Collaborate fully with any party in the fight against any act of corruption, abuse of power or embezzlement.
- Dengan ini saya berikrar mengenal perkara diatas dan mengaku tidak pernah terlibat dan tidak akan terlibat atau mengetahui tentang angkara rasuah sehingga kini. / I hereby pledge to the above and attest that I have not been involved and I shall not be involved in any act of corruption nor am I aware of any such act to-date.

TANYA DOKTOR POKOK



S: Betulkah tanaman cili di dalam pasu sukar untuk subur? - Noor Faizah Saidi, FGV Products

J: Untuk memastikan pokok cili subur dalam pasu, gunakan campuran medium penanaman yang sesuai seperti 6 bahagian tanah : 3 bahagian pasir dan 1 bahagian bahan organik (baja kompos dan lain-lain). Pastikan pokok cili menerima cahaya matahari yang mencukupi, disiram dan dibaja secukupnya dengan baja butir, baja organik dan baja semburan sekiranya perlu.

S: Bagaimakah cara semai pokok ketumbar jawa?

- Fadhlwan Afzan Abdul Rahman, FGV Prodata

J: Ketumbar jawa dapat dibiakkan dengan biji benih yang matang atau anak pokok pada pangkal pokok matang dan anak pokok pada tangkai bunga yang matang. Semaikan biji atau pindahkan anak pokok tersebut ke dalam medium tanah yang mempunyai bahan organik tinggi dengan tekstur yang peroi. Pastikan medium tanah dalam keadaan lembap sahaja, tidak terlalu basah dan hanya disiram sekiranya perlu. Medium tanah yang telah disemai dengan biji atau anak pokok perlu diletak di bawah naungan atau dengan jaring hitam 70% naungan.

S: Saya terbača cendawan boleh dibiak di rumah. Bagaimakah caranya? - Anna Baizura Mispani, FGV Agri Services

J: Beli bongkah cendawan tiram daripada pembekal yang dipercayai dan letak di bawah naungan penuh cahaya matahari dan sejuk dengan kelembapan tinggi. Bongkah diletak secara melintang setelah miselium putih sudah memenuhi bongkah tersebut.

Penutup bongkah dibuka dan sedikit medium bongkah dikeluarkan demi memudahkan semburan air atau renisan air untuk melembapkan mulut bongkah tersebut. Anak cendawan akan keluar selepas beberapa hari. Jaga kelembapan bongkah pada tapak anak cendawan untuk pertumbuhan yang baik sehingga tuai. Kutip kesemua cendawan yang matang untuk membolehkan anak cendawan baru bertumbuh pada mulut bongkah tersebut.



Anda boleh mengarau soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

■ APA KATA MEREKA?

Apakah yang anda lakukan untuk menunjukkan keprihatinan anda terhadap negara?



Bagi menunjukkan keprihatinan terhadap negara, saya dengan sesungguh hati akan patuh kepada setiap arahan pihak berkuasa bagi membebaskan negara daripada cengkaman COVID-19. Selain itu juga, saya telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19 pada bulan Ogos 2021 dan diharapkan rakan-rakan yang lain juga turut melengkapkan dos vaksin mereka agar kita kembali ke kehidupan normal, insyaAllah.

- Nurul Sakinah Abd Aziz, Group Strategic Communication, FGVH



Duduk di rumah dan patuh kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah salah satu cara untuk saya menunjukkan keprihatinan saya sebagai rakyat Malaysia. Ini penting bukan sahaja membantu negara membendung kes jangkitan virus COVID-19 dengan baik malah dapat menghindarkan kita dan keluarga serta orang tersayang dari terkena virus berbahaya ini.

- Nur Hazirah 'Aqilah Ramli, Group Sustainability, FGVH



Dalam situasi pandemik yg mencabar pada tahun ini, salah satu cara untuk kita menunjukkan keprihatinan kepada negara adalah dengan melakukan apa saja yang termampu untuk membantu semua pihak yang terkesan. Ini termasuk memberi bantuan secara kewangan, makanan dan barang keperluan. Selain itu, tanggungjawab penting yang harus dilakukan kita sebagai rakyat Malaysia adalah dengan memastikan diri dan keluarga divaksin untuk COVID-19 bagi melindungi diri dan masyarakat.

- Mohammad Hafiz Alwi, FGV Prodata



Saya menunjukkan keprihatinan terhadap negara dengan melengkapai dua dos vaksin dan berdisiplin dalam mematuhi SOP agar Malaysia bebas daripada wabak COVID-19. Selain itu, saya memainkan peranan meringankan beban ekonomi rakyat dengan menyokong perniagaan kecil-kecilan yang diusahakan oleh mereka yang terjejas terutama di kalangan rakan-rakan yang rapat. Saya juga menyebarkan kesedaran melalui laman sosial saya tentang cara-cara menangani kemurungan untuk memastikan tahap kesihatan mental rakyat Malaysia stabil untuk kesejahteraan negara.

- Wan Syamilah Wan Ismail, FGV Prodata



Perkara yang boleh kita lakukan untuk menunjukkan keprihatinan terhadap negara adalah membeli produk tempatan atau produk buatan Malaysia. Dengan demikian, kita dapat membantu dan meningkatkan ekonomi negara supaya negara Malaysia mampu menjadi antara negara terbaik dan dihormati. Selain itu, patuhilah segala SOP dan mengikut saranan kerajaan sebagai rakyat yang prihatin, bukan sahaja dapat mengurangkan kes jangkitan COVID-19, malah dapat melindungi diri kita dan orang lain.

- Nur Izra Mohd Idzhar, FGVPi



GELORA

Saji Detik Bersama
Menangi Hadiah dan Wang Tunai Berjumlah Sehingga
RM 88,000
16 Ogos - 30 Sept 2021

HADIAH UTAMA X3
Wang Tunai **RM 10,000**

HADIAH ISTIMEWA X15
LE CREUSET BERNILAI RM 1,200

HADIAH MINGGUAN X48
Wang Tunai Berjumlah **RM 9,600**

HADIAH HARIAN X10,000
BASIC u-Tourist Resimiliar **RM 30,000**

1 BELI
Beli produk keluaran FGV atau pelajar FGV yang diluluskan kerusi atau secara online

2 SNAP
Snap gambar resit pembelian produk FGV

3 HANTAR
WhatsApp ke 018-2590072 dan jawab soalan mudah

TERKELUAR KEDUA UNTUK RUMAH

Terkeluk kepada termasuk syarat, sila baca fgvdelima.com

Jawara Terpilih: **Saji**, **Tokopedia**, **Pelangi**, **Alfago**

SAJI membawakan iklan istimewa bertajuk Gelora dengan menampilkan bakat hebat, Beto Kusyari. Dalam keadaan COVID-19 yang masih belum berpenghujung, kita perlu kekal kuat bagi menghadapi hari-hari yang mendatang. Gelora, memaparkan keadaan kehidupan dialami masyarakat di luar sana. Namun, selagi kita teguh bersama dengan kita jaga kita, segala cabaran yang datang dapat ditempuhi dengan tenang. Saksikan Gelora di YouTube @sajimalaysia.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini, SAJI ingin meraikan pengguna-pengguna setia dengan peraduan menarik untuk disertai dan pelbagai hadiah menarik yang ditawarkan.

Bermula 16 Ogos sehingga 30 September 2021, anda berpeluang memenangi hadiah dan wang tunai berjumlah sehingga RM88,000 dengan hanya BELI produk keluaran FGV terpilih bernilai RM25 dan ke atas, KONGSI gambar resit pembelian dan HANTAR melalui WhatsApp di 018-2590072 serta jawab soalan mudah. Jangan lepaskan peluang ini, mari sertai dan menang bersama.

Kibarkan jalur gemilang, SAJI sentiasa dijulang!

Sila layari laman web FGV Delima untuk maklumat lanjut di pautan link ini: <http://fgvdelima.com/sajidetikbersama>

Tertakluk kepada terma dan syarat.

RESIPI PILIHAN

Crabby Rendang Cik Anis

Teringin nak makan rendang tapi mahukan kelainan? Apa kata anda cuba resipi Crabby Rendang Cik Anis daripada peserta Peraduan Memasak Duta FGV ini.

BAHAN-BAHAN

1.5kg ketam
10 sudu besar bawang kisar
6 sudu besar cili kisar
3 ulas bawang putih
1 biji tomato
1-2 biji cili merah/hijau
1 helai daun kunyit
2 batang serai

1 asam keping
3 sudu besar kerisik
Serbuk kunyit
1 mangkuk santan SAJI
Minyak masak SAJI
Gula Prai
Garam

CARA-CARA

1. Goreng ketam yang telah dilumur dengan kunyit dan garam di dalam minyak yang panas. Toskan dan letak di tepi buat sementara.
2. Menggunakan minyak yang sama, tumiskan bahan-bahan kisar dan bawang putih. Setelah cili garing, masukkan satu mangkuk santan dan Gaulkan.
3. Setelah digaul sebatи, masukkan serai dan asam keping. Kemudian, masukkan ketam yang telah digoreng tadi. Gaulkan sehingga sebatи.



4. Masukkan kerisik dan gaul. Kemudian, masukkan daun kunyit, cili merah yang telah dipotong di tengah dan tomato yang dipotong empat.
5. Masukkan garam dan gula secukup rasa. Gaulkan sehingga sebatи dan sudah boleh dihidangkan!

Resipi oleh:
Anis Athirah Ros Azizi
Bahagian Kewangan, FGVH

TAHNIAH!

Pemenang Pertandingan Rumah Ceria MERDEKA



Nurul Atikah Ahmad
FGV R&D



Tengku Ariff Putra Tengku Hasbullah
FGVPM



Norislinawati Ismail
FGVPM



Nor Asikin Abdul Ghani
FGVH



Mohamad Nizam Rahamat
FGVPI, Maokil

Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

Sayembara PUISI *Malaysiaku*

Anda sayangkan Malaysia?
Berbakat dalam menulis puisi?

Jom rebut peluang untuk serlahkan bakat anda dan zahirkan rasa kecintaan terhadap tanah air melalui aktiviti penulisan sajak. Kongsikan karya anda dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik!

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV.
2. Karya yang dihasilkan haruslah tidak menyentuh unsur-unsur sensitiviti mana-mana kaum, agama dan kepercayaan.
3. Tidak melebihi dari 50 patah perkataan.
4. Penulisan yang dihantar haruslah hasil karya asli dan tidak mengambil hak cipta orang lain.

Hantarkan penyertaan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke +60 19-200 4600

Tarikh tutup: 30 September 2021

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

